



Headline	Tokio Marine lantik timbalan CEO		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Bisnes	Page No	56
ArticleSize	89 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,960		



TOKIO MARINE

Tokio Marine lantik timbalan CEO

SYARIKAT insurans nyawa milik Jepun pertama di Malaysia, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Tokio Marine) mengumumkan pelantikan Akira Yoshikawa sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO).

Dalam satu kenyataan, syarikat itu menyatakan Yoshikawa akan bekerjasama dengan ketua pegawai eksekutif untuk membina strategi pengukuhan syarikat.

"Beliau mempunyai pengetahuan dan kepakaran menyeluruh dalam industri insurans di kedua-dua bahagian iaitu insurans nyawa dan am," katanya.

Sebelum ini, Yoshikawa adalah Timbalan Presiden Pembangunan Perniagaan Korporat dan penasihat Group Insurance of Tokio Marine Life Insurance (Thailand) PCL.

Yoshikawa berkata, beliau melihat Tokio Marine Life Malaysia sebagai jenama yang membangun pesat dalam pasaran persaingan sengit.

"Saya melihat potensi positif bagi kami mengembangkan perniagaan kami," katanya.